



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007

NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN ALAM SEKITAR
KOD MATA PELAJARAN : BPE 3363
KURSUS : 2 BPD & 4 BPD
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : JAWAB **EMPAT (4)** SOALAN
SAHAJA DARIPADA TUJUH (7)
SOALAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

- S1 Dasar Alam Sekitar Negara telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan mampan. Huraikan **lima** prinsip Dasar Alam Sekitar Malaysia bagi mencapai pembangunan mampan di Malaysia.
(15 markah)
- S2 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management System - EMS) merupakan salah satu pendekatan pengurusan alam sekitar yang semakin penting dalam dunia perniagaan. Bincangkan elemen utama dalam sistem ini.
(15 markah)
- S3 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 yang dibuat di bawah seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan) 1985 menetapkan aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment – EIA). Huraikan **enam** aktiviti utama yang ditetapkan dalam Perintah ini.
(15 markah)
- S4 Sampah sarap perbandaran kini menjadi salah satu isu utama di kawasan bandar. Bincangkan pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.
(15 markah)
- S5 Perindustrian telah menghasilkan banyak efluen ke alam sekitar. Bagi menangani masalah ini, maka Penilaian Kitar Hayat (Life Cycle Assessment – LCA) telah diwujudkan. Bincangkan kebaikan dan kelemahan pelaksanaan Penilaian Kitar Hayat.
(15 markah)
- S6 Tahap keselamatan dan kesihatan adalah salah satu isu utama di tapak pembinaan. Bincangkan **lima** peruntukan utama dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
(15 markah)

S7 Hubungan Negara-negara Utara dan Selatan telah memberi pelbagai implikasi terhadap pengurusan dan sosio ekonomi di Negara-negara Selatan. Terangkan implikasi tersebut dalam konteks pengurusan alam sekitar di negara kita.

(15 markah)